

Efikasi Pembentukan Sahsiah Murid dalam Kalangan Pelajar KPLI Institut Perguruan Islam

Azma Mahmood, Ph.D
Ramoh Abdul Ghani
Ruslan Mohamad
(Jabatan Ilmu Pendidikan)

Ibrahim Mohamed Zin, Ph.D
(Jabatan Penyelidikan & Pembangunan Profesionalisme)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau status efikasi pembentukan sahsiah murid dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus KPLI (rendah dan menengah) di Institut Perguruan Islam, Selangor Tahap efikasi 80 orang pelajar KPLI diukur sebelum dan selepas menjalani praktikum selama 12 minggu. Instrumen yang digunakan mengandungi 15 item yang diubah suai daripada soal selidik *Teacher Efficacy Scale* dengan pekali kebolehpercayaan 0.77. Secara keseluruhan tahap efikasi pembentukan sahsiah pelajar adalah sederhana. Analisis perbezaan tahap efikasi sebelum dan selepas menjalani praktikum dibuat dan implikasi terhadap dapatan ini dibincangkan.

ABSTRACT

This study surveyed the status of efficacy for character formation among KPLI students (primary and secondary) at the Islamic Teachers' Institute. The level of efficacy for 80 KPLI students were measured before and after the 12 weeks practicum. The instrument used was adapted from the Teacher Efficacy Scale with alpha reliability 0.77. Overall the efficacy for character formation was found to be moderate. The differences in the mean before and after practicum were analysed and the implications of the findings were discussed.

PENGENALAN

Penerapan nilai merentasi kurikulum disarankan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Secara khususnya murid-murid beragama Islam diajar subjek Pendidikan Islam yang mengandungi komponen akhlak Islamiah manakala murid bukan Islam diajar subjek Pendidikan Moral. Komponen-komponen ini merupakan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk membentuk sahsiah murid di sekolah-sekolah kebangsaan.

Penumpuan terhadap pembentukan sahsiah juga dipandang serius di negara lain. Di Amerika Syarikat, komponen pembentukan sahsiah dimasukkan semula dalam

kurikulum sekolah-sekolah awam setelah gejala keganasan menular dengan pesat sekali di sekolah-sekolah. Milson and Mehlig, penulis buku *"Elementary School Teachers' Sense of Efficacy for Character Education"*, bersetuju bahawa dengan meningkatnya keganasan, penyalahgunaan dadah, kehamilan remaja dan perlakuan-perlakuan anti sosial, ia seolah-olah disebabkan "kekurangan perhatian terhadap elemen sahsiah di sekolah-sekolah" (Mehlig & Milson, 2002). Malah menurut Cletus Bulach, penulis buku *"Implementing a Character Education Curriculum and Assessing Its Impact on Student Behavior"* mengatakan:

"Clearly there is a need in our society...to have citizens and students practice behaviors that are of a more civil and moral nature than currently is the pattern" (Bulach, 2002)

Senario gejala sosial di kalangan murid-murid sekolah di Malaysia tidak jauh berbeza walaupun tidak seberat dan sehebat apa yang berlaku di Amerika. Oleh itu pendidikan pembentukan sahsiah di sekolah-sekolah perlu diberi perhatian. Ini bermakna guru-guru perlu didedahkan dengan kaedah-kaedah pembentukan dan modifikasi tingkah laku secara terperinci dan berkesan. Sehubungan itu, guru-guru permulaan juga perlu diberi latihan mendalam berkaitan dengannya.

LITERATUR BERKAITAN

Menurut Bandura (1997) efikasi guru adalah sejenis efikasi sendiri yang terhasil daripada proses kognitif di mana seseorang membina kepercayaan mengenai kebolehannya untuk melaksanakan sesuatu tugas pada sesuatu tahap kompetensi. Kepercayaan ini mempengaruhi setakat mana guru berusaha, sejauh mana guru tabah dalam menghadapi kesusahan dan sejauh mana guru bertahan dalam menghadapi kegagalan dan tekanan dalam keadaan yang mendesak. Kajian juga menunjukkan efikasi guru berkait rapat dengan perlakuan guru yang memupuk pencapaian pelajar (Goddard et al. 2005). Ini adalah kerana guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi menunjukkan semangat dan komitmen yang tinggi dalam perancangan dan organisasi serta kesanggupan menghadapi karenah perlakuan pelajar (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Ini menunjukkan bahawa efikasi penting dipertingkatkan kerana ia mempengaruhi pemikiran, emosi dan tindakan guru dalam menjalankan tanggung jawab mendidik lebih-lebih lagi dalam membentuk sahsiah pelajar.

Andrew Milson dan Lisa Mehlig (2002) menjalankan kajian untuk mengenal pasti kepercayaan guru tentang keberkesanan pendidikan sahsiah. Mereka mendapati kebanyakan guru sekolah rendah percaya tentang kebanyakan aspek daripada pendidikan sahsiah. Mereka juga mendapati guru yang memperolehi ijazah pertama daripada universiti swasta yang bersekutu dengan institusi keagamaan mempunyai kesedaran yang lebih terhadap pendidikan sahsiah. Sehubungan itu Milson dan Mehlig menyarankan supaya diberi komitmen terhadap pendidikan sahsiah di institusi-institusi perguruan.

Narendra Kumar (2004) menjalankan kajian efikasi guru Maktab Perguruan Melayu Melaka yang melibatkan 138 orang pelajar KPLI. Pengukuran tahap efikasi guru dibuat pada minggu pertama pelajar mendaftar di maktab dan selepas pelajar menduduki peperiksaan akhir semasa mengikuti Kursus Induksi Sistem Saraan Baru. Beliau telah menggunakan instrumen *Teacher Efficacy Scale* (Gibson & Dembo, 1984) dengan format respon skala Likert 6 mata. Kajian beliau mendapati min tahap efikasi guru menurun setelah tamat mengikuti kursus KPLI. Menurut beliau, kemungkinan pelajar memulakan latihan perguruan dengan kepercayaan bahawa guru tidak banyak memberi kesan terhadap prestasi pelajar berbanding dengan keluarga, IQ dan persekitaran sekolah. Kepercayaan ini didapati tidak banyak berubah walau pun telah tamat latihan perguruan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran: kuantitatif dan kualitatif. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik digunakan bagi mengumpul data mengenai efikasi pelajar KPLI terhadap pembentukan sahsiah murid. Temu bual mendalam pula digunakan untuk memperolehi data yang lebih terperinci daripada beberapa orang responden bagi memperolehi maklumat tentang aspek-aspek paktikum yang mempengaruhi efikasi pelajar KPLI.

Instrumen Kajian

Instrumen untuk mengukur efikasi guru terhadap pembentukan sahsiah murid di ubahsuai dari instrumen *Teacher Efficacy Scale* oleh Gibson dan Dembo (1984) yang mengandungi 22 item. Instrumen ini menggunakan skala persetujuan format Likert 6-poin (1= sangat tidak bersetuju hingga 6 = sangat bersetuju). Pekali kebolehpercayaan Cronbach alfa yang diperolehi Gibson dan Dembo adalah 0.79 bagi keseluruhan instrumen. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini mengandungi 15 item dengan pekali kebolehpercayaan 0.77. Penggunaan format skala Likert 6-poin dikekalkan.

Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian adalah pelajar KPLIambilan Januari 2006 di Institut Perguruan Islam Selangor. Memandangkan bahawa bilangan pelajar KPLI cuma 120 orang, maka semua pelajar KPLI dijadikan sebagai sampel kajian. Bidang pengkhususan yang diikuti oleh sampel adalah Pengajian Islam (menengah), Pengajian Islam (rendah), Matematik (rendah), Bahasa Inggeris (rendah) dan Prasekolah.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data kuantitatif bagi ujian-pra dijalankan pada minggu terakhir sebelum pelajar menjalani praktikum mengikut kumpulan kuliah pengkhususan secara berasingan. Pengumpulan data bagi ujian-pos pula dijalankan pada minggu pertama selepas pelajar KPLI pulang dari menjalani praktikum. Soal selidik yang sama telah diedarkan kepada pelajar. Pengedaran soal selidik dibuat oleh kumpulan penyelidik kepada pelajar KPLI mengikut kumpulan pengkhususan secara berasingan.

DAPATAN KAJIAN

Komposisi Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar KPLI ambilan Januari 2006. Jadual 1 menunjukkan komposisi sampel kajian yang terdiri daripada 80 orang pelajar KPLI Institut Perguruan Islam Selangor ambilan Januari 2006. Dari segi jantina, sampel terdiri daripada 28 orang pelajar lelaki dan 52 orang pelajar perempuan. Bilangan sampel berdasarkan pengkhususan yang diambil adalah 12 orang bagi Pendidikan Agama Islam (menengah), 23 orang bagi Pendidikan Agama Islam (rendah), 13 orang bagi Matematik (rendah), 12 orang bagi Bahasa Inggeris (rendah) dan 20 orang bagi Pra Sekolah.

Jadual 1 Sampel kajian

Jantina	Pengkhususan					Jumlah
	KPLI PAI (m)	KPLI PA (r)	KPLI MAT (r)	KPLI BI (r)	KPLI Prasek	
Lelaki	4	9	7	3	5	28
Perempuan	8	14	6	9	15	52
Jumlah	12	23	13	12	20	80

Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Instrumen kajian telah diubahsuai daripada instrumen Teacher Efficacy Scale oleh Gibson dan Dembo (1984). Instrumen ini mengandungi 22 item dengan pekali kebolehpercayaan alpha 0.79. Selepas diteliti oleh kumpulan pengkaji hanya 21 item didapati sesuai digunakan untuk kajian ini dan beberapa item telah diubahsuai bagi memenuhi keperluan objektif kajian.

Pekali alfa bagi kebolehpercayaan dalaman instrumen selepas ujian pra ialah 0.61 iaitu sederhana tinggi. Analisis *inter-item correlation* telah dijalankan ke atas 21 item instrumen dan didapati enam item mempunyai nilai *corrected item-total*

correlation yang rendah (<0.30). Setelah item-item tersebut digugurkan, nilai alfa meningkat kepada 0.75 iaitu hampir tinggi. Seterusnya dalam ujian pos, hanya 15 item digunakan dan pekali alfa yang diperolehi ialah 0.77. Ini menunjukkan bahawa instrumen boleh dipercayai dan sesuai digunakan

Kesahan konstruk bagi instrumen telah diuji bagi menentukan dimensi atau aspek efikasi guru terhadap pembentukan sahsiah dalam instrumen yang telah diubahsuai. Analisis faktor penerokaan menggunakan komponen prinsipal dengan putaran varimak dijalankan dan didapati wujud lima dimensi dengan sumbangan varian sebanyak 68.3% berdasarkan *total varians explained* dan *scree plot*. Kaiser-Meyer-Olkin mengukur kecukupan sampel adalah 0.674. Nilai ini dapat diterima berdasarkan pendapat Hair et al. (1998).

Efikasi Terhadap Pembentukan Sahsiah Sebelum dan Selepas Praktikum

Dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara ujian pra dan pos ($t = 0.739, p > 0.05$) bagi tahap efikasi terhadap pembentukan sahsiah murid. Walaupun nilai min ujian pra adalah 4.36 (s.d = 0.54) dan lebih kecil daripada nilai min ujian pos, 4.48 (s.d = 0.60), perbezaan min ini tidak signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar KPLI secara keseluruhannya mempunyai tahap efikasi terhadap pembentukan sahsiah murid yang sama sebelum dan selepas menjalani praktikum.

Jadual 2 Efikasi bagi keseluruhan pelajar KPLI

Dimensi	ujian	n	min	s.p.	dk	t	p
Efikasi Pembentukan Sahsiah Murid	Pra	80	4.23	0.59	-1.566	0.739	0.121
	Pos	80	4.32	0.66			

* signifikan pada aras 0.05

Jadual 3 menunjukkan keputusan ujian-t berpasangan bagi efikasi pelajar KPLI sebelum dan selepas praktikum berdasarkan dimensi. Terdapat tiga dimensi efikasi yang signifikan iaitu pendekatan ($t = -2.24, p < 0.05$), latihan ($t = -3.28, p < 0.05$) dan usaha ($t = -2.11, p < 0.05$). Walaupun perbandingan min bagi keseluruhan efikasi tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan, namun perbandingan min bagi dimensi efikasi berbeza secara signifikan bagi pendekatan, latihan dan usaha.

Jadual 3 Efikasi pelajar KPLI sebelum dan selepas menjalani praktikum berdasarkan dimensi

Dimensi	n	min pra	s.p.	min pos	s.p.	dk	t	p
Pendekatan	80	4.77	0.78	5.00	0.65	79	-2.24	0.029*
Persekitaran	80	3.22	1.21	3.02	1.25	79	0.35	0.183
Latihan	80	4.54	0.86	4.90	0.84	79	-3.28	0.002*
Faktor lain	80	3.69	1.18	3.65	1.31	79	0.23	0.820
Usaha	80	5.41	0.52	5.54	0.49	79	-2.11	0.038*

* signifikan pada aras 0.05

Jadual 4 menunjukkan perbezaan efikasi pelajar KPLI sebelum dan selepas praktikum. Seramai 33 orang pelajar (41.25%) menunjukkan penurunan dalam min efikasi, lima orang (6.25%) tidak menunjukkan perubahan (neutral) manakala 42 orang lagi (52.5%) menunjukkan peningkatan dalam tahap efikasi selepas menjalani praktikum. Dengan itu, bilangan pelajar yang menunjukkan peningkatan tahap efikasi melebihi daripada pelajar yang menunjukkan tiada perubahan (neutral) dan perubahan negatif. Namun begitu perbezaan ini tidak ketara seperti mana keputusan Ujian-t.

Jadual 4 Perbezaan efikasi pelajar KPLI sebelum dan selepas praktikum

nilai perbezaan (min pos – min pra)	n	%	kualiti peningkatan
-1.1 hingga -1.5	2	2.5	Negatif
-0.6 hingga -1.0	15	18.75	(menurun)
-0.1 hingga -0.5	16	20.0	41.25%
0	5	6.25	neutral
0.1 hingga 0.5	20	25.0	
0.6 hingga 1.0	15	18.75	Positif
1.1 hingga 1.5	5	6.25	(meningkat)
1.6 hingga 2.0	1	1.25	52.5%
2.0 hingga 2.5	1	1.25	
Jumlah	80	100%	

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa praktikum memberi impak terhadap efikasi terhadap pembentukan sahsiah murid bagi pelajar KPLI. Perubahan-perubahan

berbentuk neutral, positif dan negatif dapat dilihat pada min efikasi pelajar selepas menjalani praktikum. Dalam kajian Narendra Kumar (2004), beliau mendapati efikasi pelajar KPLI menurun setelah menjalani kursus KPLI. Walaupun aspek efikasi yang berbeza diukur, dapatan ini memberi gambaran secara umum bahawa kursus KPLI kurang menyumbang kepada peningkatan efikasi pelajar KPLI. Pernyataan ini dapat dijelaskan dengan merujuk kepada min tahap efikasi pelajar secara keseluruhan di mana tahap pencapaian adalah rendah (4.2 daripada 6 mata) iaitu pada tahap sederhana. Dengan itu pengkaji mencadangkan agar program intervensi untuk meningkatkan efikasi pelajar KPLI digubal dan dilaksanakan di institut-institut perguruan.

RUJUKAN

- Bandura, A. (1997). Self-efficacy: Towards a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84, 191-215.
- Bulach, Cletus, R. (2002). Implementing a character education curriculum and assessing its impact of student behaviour [Electronic Version]. *Clearing House*, 76(2), 79-83.
- Gibson, S & Dembo, M.H. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*, 76(4), 569-582.
- Goddard, R. et al. (2005). Collective teacher efficacy: its meaning, measure and impact of student achievement. The Ohio State University.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L., & Black, W.C. (1998). *Multivariate data analysis with readings*. New York: Mcmillan.
- Mehlig, L.M., & Milson, A.J. (2002). Elementary school teachers' sense of efficacy for character education [Versi Elektronik]. *Journal of Educational Research*, 96 (1), 47-53.
- Narendra Kumar (2004). Teacher efficacy among KPLI pre-service teachers in MPPM before and after completion of training. *Wacana Intelektual MPPM X*.
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, A.W. (2001). Teacher efficacy as an obstacle to educational reform. *Journal of Research and Development in Education*, 17,14-27.